

# Program MBA BOS tarik penggiat industri, profesional

Berita Harian

Berita Harian

**Publish Date:** 14 Dec 2017 12:00

**Section:** p.60

Kuala Lumpur: Universiti UCSI dengan kerjasama UCSI Blue Ocean Strategy Consulting (BOSC) menawarkan program Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) Strategi Lautan Biru (BOS).

Program dijalankan bawah Fakulti Perniagaan dan Sains Maklumat (FoBIS) itu bertujuan menarik kemasukan dalam kalangan penggiat industri dan golongan profesional perniagaan di negara ini.

Ketua Penyelidikan dan Pengajian Pascasiswazah FoBIS, Prof Dr Abu Bakar Sade, berkata sejak diperkenalkan pada September 2012, seramai 20 pelajar sudah berjaya menamatkan pengajian mod sepenuh masa selama setahun setengah.

"Modul pembelajaran disediakan adalah berbeza kerana menekankan aspek BOS bagi mempertingkat nilai tambah, daya kreativiti, pengalaman, pendedahan dan pengetahuan yang boleh diaplikasikan dalam dunia perniagaan kini," katanya pada majlis pratonton program itu di sini, baru-baru ini.

Modul berbeza

Sementara itu Dekan FoBIS, Prof Dr Ooi Keng Boon, berkata selain modul pembelajaran berbeza daripada pengajian MBA yang konvensional, Universiti UCSI menyediakan pensyarah pakar, profesional dan berpengalaman luas dalam industri berkenaan.

"Kami berharap lebih ramai golongan profesional perniagaan akan melanjutkan pelajaran dalam program pascasiswazah ini bukan sahaja untuk memenuhi kehendak industri yang kian mencabar tetapi juga membuat penyelidikan, sekali gus mencari penyelesaian bagi pelbagai isu berkaitan," katanya.

Beliau berkata, pengambilan pelajar seterusnya bagi program itu akan diadakan pada Januari, Mei dan September tahun depan.

( END )

Copyright 2017 New Straits Times Press (Malaysia) Berhad All Rights Reserved